

11/06/1999

230,000 pencarum KWSP layak melabur

KUALA LUMPUR, Khamis - Lebih 230,000 pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) layak mengeluarkan sebahagian simpanan mereka untuk dilaburkan ke dalam saham amanah.

Sehingga Mei lalu, ada 33 saham amanah diluluskan KWSP bagi membolehkan pencarumnya melabur dan terbaru, skim Amanah Saham Nasional Dua (ASN2) yang ditawarkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) mulai hari ini.

Pengurus Bahagian Hal Ehwal Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar, berkata KWSP mensyaratkan pencarum mestilah mempunyai simpanan sekurang-kurangnya RM55,000 dalam Akaun Satu dan berumur kurang 55 tahun.

"Berdasarkan syarat itu, sehingga 31 Disember lalu, sejumlah 232,435 pencarum KWSP layak untuk melabur dalam saham amanah berkenaan," katanya.

Bagaimanapun, Nik Affendi tidak dapat memberi perangkaan pencarum Bumiputera yang layak melabur dalam ASN2. Jumlah pencarum KWSP sehingga 31 Disember lalu ialah 9.2 juta orang.

Skim ASN2 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, ialah skim amanah saham kelima PNB. Ia dibuka kepada Bumiputera berumur 18 tahun ke atas dengan had pelaburan minimum 1,000 unit dan had maksimum 500,000 unit.

Harga tawaran permulaan dari 10 Jun hingga 31 Disember ialah RM1 seunit. Bagaimanapun, selepas 31 Disember 1999, harganya berubah-ubah mengikut nilai pasaran bergantung kepada nilai pelaburan harian dana saham amanah itu.

Nik Affendi berkata, berdasarkan syarat bagi pelaburan dalam saham amanah yang diumumkan pada 1 November 1996, jumlah yang boleh dilabur ialah sekurang-kurangnya RM1,000 dan tidak melebihi 20 peratus daripada jumlah simpanan melebihi RM50,000 yang ada dalam Akaun Satu.

Sebagai contoh, jika seorang pencarum mempunyai simpanan berjumlah RM90,000 dalam Akaun Satu, jumlah simpanan dalam akaun itu yang melebihi RM50,000 ialah RM40,000.

Oleh itu, jumlah yang boleh dilaburkannya ke dalam ASN2 ialah RM8,000, iaitu 20 peratus daripada simpanan yang melebihi jumlah RM50,000 dalam akaun itu.

Bagi yang mempunyai simpanan dalam akaun satu sebanyak RM55,000 pula, jumlah boleh dilaburkan ialah RM1,000 iaitu 20 peratus daripada jumlah simpanan yang melebihi RM50,000 dalam akaun itu.

Pencarum KWSP mempunyai tiga akaun iaitu Akaun Satu bagi tujuan persaraan mewakili 60 peratus daripada jumlah caruman; Akaun Dua untuk perumahan (30 peratus daripada simpanan KWSP) dan Akaun Tiga untuk perubatan (10 peratus daripada jumlah simpanan).

Menurut Nik Affendi, pencarum dibenarkan membuat pengeluaran dan melabur dalam ASN2 atau mana-mana amanah saham yang diluluskan oleh kumpulan wang itu setiap tiga bulan, selagi pencarum masih mempunyai baki simpanan akaun satu mencukupi iaitu sekurang-kurangnya RM55,000.

Bagaimanapun, katanya, pencarum tidak dibenarkan untuk mengeluarkan pelaburan atau dividen yang diterima daripada pelaburan itu kerana ia masih dianggap simpanan KWSP.

Dividen hanya boleh dikeluarkan mengikut syarat pengeluaran, antaranya mencapai umur 55 tahun, meninggalkan negara, hilang keupayaan atau kematian.

Beliau berkata, pencarum dibenarkan memindahkan semula pelaburan dalam ASN2 atau mana-mana saham amanah ke Akaun Satu mereka di KWSP.

Bagi pencarum yang mahu memindahkan pelaburan dari saham amanah lain kepada ASN2, mereka juga boleh berbuat demikian, dengan syarat menjual pelaburan sedia ada dan mengembalikan wang itu terlebih dahulu kepada KWSP.

"Selepas tempoh yang ditetapkan, mereka boleh memohon untuk memindahkan pelaburan yang dikembalikan itu, untuk dilaburkan pula di ASN2," kata Nik Affendi.

Sehingga Mei lalu, ada 33 saham amanah diluluskan KWSP bagi membolehkan pencarumnya melabur tetapi dua skim saham amanah PNB sedia ada, ASN dan Amanah Saham Bumiputera (ASB), tidak termasuk dalam senarai itu.

Sementara itu, PNB ketika dihubungi menyatakan, sehingga 31 Mei lalu, ada 1,295,326 pelabur dalam skim ASN sedia ada dan 5,013,303 pelabur dalam ASB.

Jurucakapnya bagaimanapun enggan memberitahu jumlah pelabur kedua-dua saham amanah itu yang sudah mencapai tahap pelaburan maksimum.

Jumlah pelaburan maksimum bagi kedua-dua saham amanah PNB itu ialah 200,000 unit.

(END)